

Bradu kekuatan utk rebut Piala Sidek

EMUANYA gara-gara Haji Sidek Saniff.

Dengan segala ilmu pencak silat di dada, pendekar-pendekar ini beradu kekuatan di tengah gelanggang — menyepak, menerajang, dan menumbuk serta menangkis serangan lawan.

Tetapi, bukanlah mereka ini bertempur satu sama lain kerana membela atau menentang Haji Sidek.

Sebaliknya, kerana kedua-duanya mahukan Haji Sidek.

Bagaimanapun, Haji Sidek yang dimaksudkan itu bukanlah orangnya, tetapi pialanya.

Gambar-gambar yang dirakamkan oleh jurugambar BH, LIM SENG

TIONG, ini memaparkan keadaan dalam pertandingan silat antara balai rakyat bagi merebut Piala Sidek Saniff.

Peringkat saringan pertama dan kedua pertandingan itu berjalan lancar di balai rakyat Kampong Ubi pada Sabtu lalu dan semalam.

Tinggi

Para peserta menunjukkan taraf kecergasan yang tinggi dan tidak cepat lemah, tidak seperti dalam pertandingan yang pertama yang diadakan dua tahun lalu.

Ini kerana mereka terlebih dahulu diperlukan menjalani pemeriksaan perubatan doktor dan hanya yang lulus ujian kecergasan dan sihat dibenarkan bertanding.

Terdapat juga dua tiga peserta yang beradu ala tinju, walaupun bunga-bunga silat tidak dilupakan.

Para peminat seni silat, para peserta dan mereka yang ada masa lapang memenuhi dewan kegiatan riadah balai rakyat tersebut

untuk menyaksikan si-apakah yang bakal menjadi pendekar dan srikandi dalam kejohanan ini nanti.

Seramai 132 orang peserta berbagai perguruan, mewakili 14 balai rakyat, perlu melalui peringkat saringan sebelum terpilih ke peringkat akhir yang akan diadakan di Kompleks Sukan Delta mulai 2.30 petang 4 Mei.

Para peserta dibahagikan kepada bahagian kanak-kanak lelaki dan dewasa lelaki dan kanak-kanak perempuan serta dewasa perempuan.

Mereka bertanding dalam kelas tertentu, iaitu mengikut berat badan.

Kejohanan ini merupakan sebahagian dari usaha mempopularkan seni silat di kalangan penduduk setempat.

Dua lagi pusingan saringan akan diadakan pada 2.30 petang Sabtu dan 10.00 pagi Ahad ini di tempat yang sama.

Peringkat akhir pula akan dijalankan di Kompleks Sukan Delta pada 2.30 petang Sabtu, 4 Mei, dan 7.30 malam esoknya.

Kejohanan itu dianjurkan oleh Persatuan Rakyat dan dikelola bersama Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

22 APR 1985

22 APR 1985
Popularkan